

TIDAK BOLEH DIFOTOSTAT

Perpustakaan
Universiti Teknologi MARA
Kampus Ayer Kuning.

**KAJIAN PERBANDINGAN PENGGUNAAN TEMBAGA DAN PERAK
DALAM PENGHASILAN PASU BUNGA (VASE)**

MOHAMAD FAISAL BIN OTHMAN

(97345588)

IJAZAH SARJANA MUDA SENI REKA LOGAM HALUS

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SESSI 2001

**KAJIAN PERBANDINGAN PENGGUNAAN TEMBAGA DAN PERAK
DALAM PENGHASILAN PASU BUNGA (VASE)**

Tesis ini telah dihantar kepada Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka Universiti Teknologi MARA Kampus Machang, Kelantan Darul Naim sebagai memenuhi syarat matapelajaran.

Disediakan oleh : Mohamad Faisal Bin Othman
K/P UTM : 97345588
Kursus : AD 13 / Logam Halus
Tahun/Semester : 2001 / 08
Sessi : Mei 2001-November 2001
Fakulti : Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka Logam Halus
Universiti Teknologi MARA
Kampus Machang
Kelantan Darul Naim

PENGHARGAAN

Alhamdulillah.....

Syukur dengan limpah kurnia-Nya dapat saya memulakan penghasilan tesis buat semester ini dengan jayanya. Dengan keizinan-Nya juga saya telah berjaya melakukan sesuatu yang bermakna terhadap masyarakat kerana dengan siapnya kajian ini membolehkan ia dijadikan sebagai bahan rujukan.

Dengan bangganya saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada En. Sabri Mohamad yang mana beliau merupakan selaku penyelia dan pensyarah yang terlibat dalam memberi bantuan untuk menyiapkan serta melayakkan saya melengkapkan syarat pengajian saya sebagai pelajar UiTM cawangan Machang dalam program Ijazah Sarjana Muda Seni Lukis dan Seni Reka (Logam Halus). Di samping itu juga tidak lupa juga saya ucapkan kepada mereka yang juga turut terlibat seperti;

1. Tuan Hj. Mohd Dahuri Idris selaku koordinator saya, dan pensyarah-pensyarah lain.
2. Pengarah dan Kakitangan Perbadanan Kemajuan Kraftangan cawangan Kelantan
3. Mohamad b. Sulaiman, pengusaha bengkel pertukangan perak beralamat di Kampung Mokrat, Tumpat.

4. Kakitangan Perpustakaan Kota Bharu.

Kesempurnaan tesis saya ini cukup bermakna kepada seorang pelajar yang akan mengenggam segulung ijazah setelah sekian lama menjalankan tugas. Oleh itu saya tidak putus-putus mengucapkan syukur dengan pertolongan semua pihak yang terlibat.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih khas buat keluarga di rumah dan kawan-kawan yang mendoakan serta memberi dorongan dan sokongan sepanjang pengajian saya ini. Kepada semua yang terlibat dalam kajian saya ini semoga kalian semua diberkati Allah S W T dan sentiasa dalam keredhaan-Nya.

INSYALLAH.....

Mohamad Faisal B. Othman

Fakulti Senilukis dan Senireka Logam Halus

Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Cawangan Machang

2001

SINOPSIS

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti unsur-unsur logam lain yang perlu ada didalam logam tembaga dan perak yang bertujuan untuk proses pembuatan 'vase'. Di samping itu juga kajian ini adalah untuk mengetahui cara-cara atau teknik pembuatan dan peralatan-peralatan yang digunakan yang mana ia merupakan satu langkah penting bagi mengekalkan unsur-unsur seni tradisional. Kajian motif-motif juga merupakan salah satu bahan kajian yang mana ia adalah satu langkah untuk meningkatkan permintaan terhadap barangan perak dan tembaga khususnya 'vase'. Dalam kajian ini, subjek terdiri daripada 6 orang tukang perak dan tembaga, 6 orang pengusaha dan penjual serta 10 peminat seni barangan tembaga dan perak yang kebanyakannya meliputi sekitar lokasi di Kampung Mokrat, Kampung Tunjung dan sekitar Kota Bharu. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor umur dan zaman banyak mempengaruhi perkembangan pertukangan barangan perak dan tembaga khususnya 'vase'. Gabungan kedua-dua faktor ini telah dapat meningkatkan penghasilan barangan yang berasaskan logam seperti tembaga dan perak di samping mengekalkan unsur-unsur seni yang wujud sejak zaman berzaman. Kajian ini juga adalah untuk meningkatkan mutu barangan serta memperkenalkan barangan ini kepada mata dunia dan mempelbagaikan golongan peminat sama ada golongan sederhana mahupun golongan berada terhadap barangan ini.